

**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


28 MEI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **308 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **61,582 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 136 menjadikan jumlah kumulatif 59,238 orang. Seramai 1,341 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 419 orang di hospital, 917 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara lima (5) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 71 orang dan 26 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tuaran dan Kuala Penyu berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 14 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

5 Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan yang ketara berbanding kelmarin iaitu daripada 217 kes kelmarin (27 Mei 2021) kepada 308 kes (28 Mei 2021) hari ini dengan peningkatan sebanyak 91 kes.
- ii Daripada 308 kes jangkitan baharu hari ini, 123 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 115 kes adalah daripada saringan kluster, 51 kes adalah daripada saringan bergejala, enam (6) kes daripada saringan bersasar dan 13 kes adalah daripada lain-lain kes. Manakala satu (1) kes kematian telah dilaporkan.
- iii Terdapat 13 daerah di Negeri Sabah mencatatkan peningkatan kes dengan lima (5) daerah menunjukkan peningkatan ketara iaitu pada julat dua (2) angka. Daerah-daerah yang mencatatkan peningkatan membimbangkan ialah Kota Kinabalu 43 (+21), Kunak 36 (+16), Kalabakan 25 (+24), Papar 26 (+22) dan Keningau 27 (+15).
- iv Tujuh (7) daerah pula mencatatkan penurunan kes dalam julat satu (1) angka, kecuali daerah Tawau yang mencatatkan penurunan dalam julat dua (2) angka.
- v Lapan (8) daerah lain iaitu Ranau, Beluran, Telupid, Pitas, Kota Marudu, Tenom, Nabawan dan Tambunan mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini.
- vi Peningkatan kes yang berlaku sangat dipengaruhi oleh sikap komuniti dalam pematuhan SOP sendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 **Tiada kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,740 unit

- Hospital 605 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,715 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 35.86%

B LARANGAN SEMENTARA DINE-IN DI RESTORAN TERMASUK RESTORAN DALAM PREMIS HOTEL, KEDAI / GERAI MAKAN, *COFFEE SHOP* DAN MEDAN SELERA

Setelah mengambil kira lonjakan kes baharu harian yang melepasi angka 300, iaitu sebanyak 308 kes dicatatkan hari ini, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) atas nasihat Jabatan Kesihatan Negeri Sabah memutuskan untuk melarang sementara "*dine-in*" di semua restoran termasuk restoran dalam premis hotel, kedai / gerai makan, *coffee shop* dan medan selera, **bermula 29 Mei 2021 hingga 02 Jun 2021**.

C AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI

- 1 Aktiviti berjoging dan berbasikal dalam satu-satu masa adalah dihadkan kepada tidak melebihi lima (5) orang sahaja.
- 2 Senaman Zumba, senam robik dan senaman berkumpulan **TIDAK DIBENARKAN**.
- 3 Seperti yang telah dimaklumkan dalam kenyataan media semalam, sukan golf adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun kafe Kelab Golf **TIDAK DIBENARKAN** beroperasi. Pertandingan golf tidak dibenarkan sehingga 07 Jun 2021 dan sebarang kelulusan permohonan penganjuran pertandingan golf yang diberikan oleh Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (COVID-19) sebelum ini **DIBATALKAN** dengan serta merta.

D PKPD DI TIGA LOKALITI DI TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Tiga (3) lokaliti Dalam daerah Tawau melibatkan kawasan-kawasan berikut;
 - Kg. Pasir Putih Blok B
 - PPR Taman Sri Baking
 - Kg. Baru Pasir Putih
- 2 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak dengan kadar kebolehkangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut. Lapan (8) kes positif dikesan Di kg pasir putih Blok B, 18 kes Di PPR Taman Sri Balung Dan 11 kes Dari kg. Baru Pasir putih.

- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Tiga lokaliti tersebut, bermula 30 Mei 2021 hingga 12 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas penduduk yang terlibat dan memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan PKPD.

E PELANJUTAN PKPD LORONG 2, KAMPUNG KONGSI 8, TAWAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lorong 2, Kampung Kongsi 8, Tawau yang dijadualkan tamat pada 29 Mei 2021.
- 2 Sebanyak 295 ujian saringan dilakukan oleh KKM dan 40 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Pada masa sama, KKM mendapati penularan kes masih berlaku di lokaliti tersebut dengan kes baharu juga direkodkan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD di Lorong 2, Kampung Kongsi 8, Tawau bermula 30 Mei sehingga 12 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

F PELAKSANAAN AKTIVITI RUMAH IBADAT

- 1 Pelaksanaan aktiviti masjid dan surau ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa pada 29 Mei 2021 hingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak adalah seperti di **LAMPIRAN A.**
- 2 Aktiviti rumah ibadat lain juga mengikut kapasiti 1/3 atau 50 orang mana-mana yang lebih rendah.

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **222** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **57,377** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **25** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,572** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **4,597** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **63,293** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **2,890** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **21,673** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **6,971** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **532,979** (mysejahtera 470,670 : laman web 62,088 : talian vaksinasi 221) bersamaan 18.2%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **323,990** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 61 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 22,880 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 71 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 44 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 17 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - Enam (6) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - Tujuh (7) orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
 - Lapan (8) orang : Tiada penjarakan sosial.
 - Tiga (3) orang : Aktiviti terlarang.
 - Tiga (3) orang : Lain-lain kesalahan.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 88 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 388 lokasi melibatkan seramai 226 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 81 anggota di 64 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu di daerah Semporna, Sandakan, Kota Kinabalu dan Keningau.
- 7 Sejumlah 36 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 267 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|------------|---------------|----------------|
| 1 | Tenom | 98% |
| 2 | Beluran | 98% |
| 3 | Kota Marudu | 98% |
| 4 | Kudat | 98% |
| 5 | Keningau | 98% |
| 6 | Ranau | 98% |
| 7 | Kinabatangan | 98% |
| 8 | Lahad Datu | 97.5% |
| 9 | Sipitang | 97.5% |
| 10 | Tuaran | 97.5% |
| 11 | Kunak | 97% |
| 12 | Semporna | 97% |
| 13 | Beaufort | 97% |
| 14 | Sandakan | 97% |
| 15 | Kota Belud | 97% |
| 16 | Kota Kinabalu | 97% |
| 17 | Tawau | 96.5% |
| 18 | Papar | 96.5% |
| 19 | Penampang | 96.5% |

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**



جائزہ احوال اسلام نگرین سابه

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

Tingkat 3, 9 & 10, Blok A, Wisma MUIS,

Beg Berkunci 103, 88737 Kota Kinabalu

Tel.: 088-522222

Faks: 088-239415



Bil.:

BIL.JHEAINS:BPWD:100-4/2 KLT. 2 (43)
28 MEI 2021 / 16 SYAWAL 1442H

Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

Semua Pengerusi Masjid / Surau

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19 BERKUATKUASA PADA 29 MEI 2021 HINGGA TARIKH YANG AKAN DIMAKLUMKAN KELAK

Dengan hormatnya saya merujuk Irsyad Mufti Kerajaan Negeri Sabah bertarikh 28 Mei 2021M / 16 Syawal 1442H berhubung dengan perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, **Jabatan ini** memaklumkan ketetapan kebenaran pelaksanaan aktiviti-aktiviti di masjid dan surau di seluruh negeri Sabah ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuatkuasa pada 29 Mei 2021M / 17 Syawal 1442H seperti berikut:-

2.1 Aktiviti di masjid dan surau dibenarkan untuk melaksanakan solat berjemaah lima waktu dan solat Jumaat di semua zon negeri Sabah adalah 1/3 keluasan ruang masjid/surau atau 50 orang dan mana yang terendah dengan mengambil kira penjarakan fizikal 1 meter.

2.2 Bilangan jemaah solat lima waktu dan solat Jumaat di masjid dan surau adalah 1/3 keluasan ruang masjid/surau atau 50 orang sahaja dan mana yang terendah dengan mengambil kira penjarakan fizikal 1 meter.

2.3 Semua masjid/surau yang berkenaan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuatkuasa dan yang telah ditetapkan oleh pihak yang berwajib.

3. Jumlah kehadiran solat lima waktu dan solat Jumaat ini telah mengambil kira *Maqasid al-Syar'ieyyah* dan Irsyad Mufti Kerajaan Negeri Sabah.

4. Sehubungan dengan ini, mohon tuan/puan untuk menyelaraskan pematuan keputusan tersebut. Kepada Allah SWT jua kita berserah.

Sekian dan harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATUK USTAZ HAJI SAIFULZAMAN BIN SANGUL)

Pengarah

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

"SABAH MAJU JAYA"